



Penduduk, Yushrey A Rashid melihat keadaan ombak besar di Pantai Tanjung Gelam, Mengabang.

Nelayan perlu utama keselamatan, APM siap sedia hadapi Supermoon

➔ LKIM wajibkan pemakaian jaket keselamatan jika ke laut

Oleh Mohamed Farid Noh, Mohd Fahmi Yusof, Nor Farhani Che Ad, Betty Subaryati, Aslina Abu Bakar dan Shamsudin Husin
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Selangor

Nelayan dinasihat memakai jaket keselamatan ketika turun ke laut menangkap ikan berikutan fenomena air pasang besar yang diramal berlaku di beberapa kawasan pesisir pantai di negara ini mulai hari ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, berkata pihaknya sudah berbincang dengan persatuan nelayan bagi mewajibkan ne-

layan memakai jaket keselamatan jika ke laut ketika fenomena ini.

"Kita tidak mahu keselamatan menjadi isu utama menjelang air pasang besar ini. LKIM juga menubuhkan satu jawatankuasa bencana bagi membantu nelayan yang menjadi mangsa fenomena ini," katanya selepas majlis pelancaran jentera pilihan raya UMNO dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Parlimen Kuala Selangor oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di sini, semalam.

BERNAMA melaporkan air pasang besar diramal berlaku selama lima hari bermula hari ini di pesisir pantai Selangor dengan ketinggian paras air mencecah 5.6 meter, selain beberapa kawasan di Perak.

Di **Johor Bahru**, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) diarah bersiap sedia berdepan sebarang kemungkinan berikutan fenomena bulan penuh Perigee atau 'Supermoon' yang dijangka berlaku hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata fenomena itu

dijangka menyebabkan air pasang sehingga setinggi 3.2 meter di sepanjang pesisir pantai Johor Bahru.

Fenomena beri kesan pasang surut air

"Fenomena bulan penuh ini dapat dilihat esok (hari ini) dan ia memberi kesan kepada pasang surut air khususnya di pesisiran pantai Johor Bahru. Kita juga sudah meminta masyarakat yang tinggal di pesisiran pantai supaya bersiap sedia," katanya selepas merasmikan Mini Karnival Sungai Skudai 2016 di sini, semalam.

Pada majlis itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor menganjurkan pertandingan memungut sampah di Sungai Skudai bagi menarik minat penduduk setempat terutama nelayan memungut sampah, selain meningkatkan tahap kesedaran berkaitan kebersihan di Sungai Skudai.

Tinjauan BH di **Pantai Pungur**, Rengit, Batu Pahat pula mendapati kenaikan air laut di kawasan berkenaan agak ketara menyebabkan setiap kali air pasang, air laut melimpah masuk melepasi benteng penahan ombak di situ.



Mas Ayraa Qursiah (tengah) bersama adiknya mengemas barang-barang sebaik tiba di pusat perpindahan mangsa banjir di Dewan Palembang, Kapar, semalam.

Hakisan di beberapa kawasan pesisiran pantai daerah ini juga semakin serius berikutan ketiadaan benteng pemecah ombak yang menyebabkan air laut mudah melimpah ke daratan tanpa halangan.

Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab Han Ramin, berkata pihaknya bekerjasama dengan JPS memperincikan kaedah terbaik mengatasi masalah hakisan semakin kritikal di sembilan kawasan iaitu Parit Botak, Sri Pantai, Sungai Lurus, Bukit Batu, Tanjong Laboh, Parit Balak, Koris, Pungur dan Jambi, dekat sini.

Perkukuh benteng penahanan ombak

Di **Sungai Petani**, penduduk sekitar pantai Sungai Meriam, dekat Kota Kuala Muda, berusaha memperkukuhkan benteng penahanan ombak selepas pecah ketika air pasang sebelum ini.

Difahamkan, lebih 2,000 guni pasir digunakan untuk membina struktur benteng di situ sebagai persediaan awal menghadapi fenomena air pasang besar sebelum ini, tetapi rosak dengan kebanyakan guni pasir dihanyutkan air laut.

Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Meriam, Omar Walat, berkata selepas benteng rosak, usaha mendalamkan longkang berhampiran struktur itu dilakukan JPS Isnin lalu.

"Selepas air pasang besar September lalu, penduduk bersedia berpindah jika air naik dan menyelamatkan barang penting ke tempat selamat," katanya.

Di **Kota Bharu**, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Rozaidi Che Yusof, berkata pihaknya menubuhkan 30 pangkalan hadapan bagi menyimpan bekalan makanan untuk keperluan kira-kira 900 hingga 1,200 mangsa banjir.

Rozaidi berkata, antara kawasan berisiko ialah Pantai Pulau Kundor, Pantai Cahaya Bulan (PCB) dan Kampung Pantai Sabak yang terletak berhampiran pesisir pantai.

Dua pusat pemindahan

Di **Kapar**, seramai 297 penduduk dari 45 keluarga sekitar Kampung Batu 5 1/2, Jalan Kapar dan Kampung Tok Muda, sudah mendaftarkan diri di dua pusat pemindahan sehingga jam 6 petang semalam.

Penolong Pegawai JKM Klang, Borhanudin Padlul, berkata pendaftaran pemindahan penduduk itu akan berjalan sehingga berakhir fenomena air pasang besar pada Jumaat ini.

"Dua dewan dijadikan tempat perpindahan iaitu Dewan Serbaguna Palembang, Jalan Kapar dan Dewan Serbaguna Kampung Tok Muda," katanya.

Di **Kuala Nerus**, penduduk Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telopot mengambil inisiatif mengumpul dokumen dan barang berharga, namun masih belum berpindah.

Tinjauan mendapati laut mula bergelora dan mendekati kawasan perumahan di kampung itu pada jarak kira-kira lima meter.

Pesara tentera, Yushrey A Rashid, 42, berkata dia mula mengemas dokumen penting sejak kelmarin, namun tidak berpindah kerana keadaan masih selamat berikutan ada benteng pemecah ombak dibina kerajaan tahun lalu.

"Namun, kami berharap kerajaan menyediakan penempatan baharu kepada penduduk kerana keadaan ini berlaku setiap tahun," katanya.



LKIM juga menubuhkan satu jawatankuasa bencana bagi membantu nelayan yang menjadi mangsa fenomena ini"

Irmohizam Ibrahim, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia